

RM6.5 bilion wujud peluang kerja

BH - 22/11/2019 m/s 2

Semua pihak kena proaktif atasi isu pengangguran: PM

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Mahanum Abdul Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua pihak perlu memainkan peranan proaktif dalam menghadapi cabaran akibat pengangguran kerana ia memberikan kesan kepada masyarakat sekiranya dibiarkan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, insentif pengambilan pekerja yang dibangunkan kerajaan menerusi program #MalaysiaKerja (Malaysia@Work) adalah persiapan negara dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada generasi akan datang.

Beliau berkata, program itu diyakini boleh menyelesaikan cabaran terhadap keperluan pekerjaan dalam pasaran.

“Peruntukan sebanyak RM6.5 bilion untuk Malaysia@Work akan mewujudkan pekerjaan untuk rakyat Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang, selain peluang belajar dan mewujudkan kerjasama dengan beberapa kementerian,” katanya ketika merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2019 (ISWC) dan pelancaran Malaysia@Work sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar.

Dr Mahathir berkata, #Mala-

ysiaKerja disasarkan kepada segmen khusus tenaga kerja meliputi golongan belia melalui #GraduanKerja dan #PerantisKerja; bagi wanita pula menerusi #WanitaKerja dan #WatanKerja kerana generasi akan datang bakal mewarisi negara dan kehidupan mereka menentukan masa depan negara.

Katanya, Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) pula membuka banyak peluang di Malaysia dalam sektor teknikal dan vokasional untuk menggalakkan belia menjadi mahir dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) melalui program #PerantisKerja.

“Jika kita melakukan ini dengan baik, Malaysia@Work akan menjadi jawapan untuk memacu kemajuan yang mampan dan kesejahteraan sosial yang menyeluruh,” katanya.

Perdana Menteri berkata, dana yang diuruskan Kementerian Kewangan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan menyaksikan pembabitkan aktif Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Selain itu, ia turut membabitkan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia untuk mewujudkan peluang pekerjaan.

Beliau menegaskan perkembangan teknologi hari ini memberi cabaran kepada pelbagai industri mengubah cara menguruskan perniagaan.

“Misalnya dalam industri media bekerja cara tradisional tidak lagi sesuai yang menyaksikan banyak syarikat ditutup, begitu juga industri perubatan dan robot menjadi lebih baik berbanding pakar bedah dalam pembedahan yang rumit,” katanya.



Dr Mahathir pada sidang media selepas merasmikan ISWC dan pelancaran Malaysia @Work di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Guan Eng berkata program #MalaysiaKerja dilaksanakan secara berperingkat bermula suku kedua 2020.

Beliau berkata, program berkenaan dibentangkan pada Belanjawan 2020 itu dijangka mewujudkan sehingga 350,000 pekerjaan.

Katanya, pada asasnya, insentif gaji dan pengambilan pekerja bawah #MalaysiaKerja akan dikreditkan terus ke dalam akaun KWSP individu bagi mengimbangi caruman berkanun oleh majikan dan pekerja.

“Sebarang jumlah lebihan insentif gaji akan dikreditkan ke dalam akaun khas yang diwujudkan oleh KWSP bagi membolehkan pengeluaran secara fleksibel tanpa mengira jumlah pengeluaran apabila diperlukan.

“Mekanisme ini akan membolehkan pencaerum menabung untuk persaraan dan pada masa sama pendapatan bolehguna itu digunakan oleh mereka bagi menampung keperluan harian,” katanya.

#MalaysiaKerja (Malaysians@Work)

» **Pertama:** #GraduanKerja (Graduates@Work) direka khas untuk pengambilan graduan menganggur melebihi 12 bulan. Graduan yang menerima tawaran kerja akan menerima insentif gaji selama dua tahun sebanyak RM500 sebulan sebagai tambahan kepada gaji diterima, manakala majikan pula akan menerima insentif pengambilan pekerja RM300 sebulan juga bagi tempoh sama.

» **Kedua:** #WanitaKerja (Women@Work) bertujuan mewujudkan 33,000 peluang pekerjaan setahun untuk wanita berusia di antara 30 hingga 50 tahun yang berhenti bekerja selama setahun atau lebih. Wanita yang kembali bekerja diberi insentif gaji dua tahun RM500 sebulan, manakala majikan pula akan diberi insentif pengambilan pekerja sebanyak RM300 sebulan bagi tempoh yang sama.

» **Ketiga:** #WatanKerja (Locals@Work) adalah program kesamarataan kos pengambilan pekerja yang bertujuan mengalihkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Warganegara yang menggantikan pekerja asing akan diberikan insentif gaji dua tahun sebanyak RM350 atau RM500 sebulan mengikut sektor, manakala majikan pula akan menerima insentif pengambilan sebanyak RM250 sebulan dalam tempoh yang sama; dan

» **Keempat:** #PerantisKerja (Apprentice@Work) adalah program insentif Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bentuk elaun tambahan sebanyak RM100 sebulan untuk pelajar dalam kursus TVET bertujuan menggalakkan lebih ramai belia menyertai kursus TVET.